

**Mencari pembahas bermutu dalam UMNO  
Utusan Online  
December 5, 2011  
Oleh NIZAM YATIM**

PERHIMPUNAN Agung UMNO 2011 sudah pun melabuhkan tirai. Perkara menarik untuk diulas adalah mengenai keupayaan pembahas mengupas kandungan ucapan dasar Presiden dan membahaskan usul ekonomi serta usul agama, pendidikan dan sosial.

Seperti yang dikatakan oleh Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, walaupun rata-rata mutu perbahasan lebih baik berbanding tahun lepas, namun ada juga yang kurang baik mutunya.

Antara kelemahan yang dikesan ialah pembahas terlalu bergantung kepada teks ucapan yang disediakan dan mereka juga gagal memahami dengan mendalam kandungan ucapan yang hendak disampaikan.

Terdapat juga yang mengemukakan cadangan lapuk supaya bank menyediakan pinjaman kepada golongan tidak berpendapatan tetap untuk membeli rumah sedangkan langkah itu sudah dilaksanakan.

Ada pembahas yang gagal memberi fokus kepada usul utama dan terdapat juga yang menjerit untuk bercakap sehingga sakit telinga mendengarnya.

Pembahas sebenarnya perlu bercakap seperti biasa, tenang serta bersahaja dan hanya menguatkan suara bila menyentuh perkara yang penting sahaja. Paling utama ucapan mereka didengar dengan jelas dan difahami oleh perwakilan yang hadir.

Sehubungan itu, para pembahas pada perhimpunan akan datang perlu membuat persiapan secukupnya dan menjadikan beberapa wakil negeri yang berbahas dengan agak baik tahun ini sebagai contoh.

Antara mereka ialah wakil UMNO Pulau Pinang, Datuk Musa Sheikh Fadzir yang mengambil pendekatan berterus-terang bagi membangkitkan perkara yang boleh melemahkan parti itu ketika membahaskan ucapan dasar Presiden.

Beliau tanpa segan silu membangkitkan soal ahli UMNO yang belot pada Pilihan Raya Umum 2008 yang disifatkannya umpama musuh dalam selimut. Mereka bukan sahaja tidak menyokong UMNO tetapi menghasut pengundi supaya tidak mengundi calon Barisan Nasional (BN).

Musa yang menggunakan loghat Pulau Pinang turut menegur calon luar yang dipilih dalam pilihan raya itu.

"Kalau terpaksa bawa calon luar, bawalah tetapi berilah salam kepada tuan rumah. Janganlah mai (mari) ke tempat orang 'mengepak', kata aku ini calon Perdana Menteri," katanya.

Dalam pada itu, wakil UMNO Kedah, Mohd. Kamal Saidin, turut mendapat perhatian apabila berucap dengan nada seperti membaca talkin sehingga menyebabkan semua perwakilan terdiam dan khusyuk mendengarnya.

"Ustaz Pas, kamu berfatwa seketul daging babi dimasukkan ke dalam kawah maka haram semua daging lembu dalam kawah.

"Mana fatwa ini Nik Aziz? Mana perginya fatwa ini ya Haji Hadi Awang, mana pergi fatwa ini para ulama Pas yang satu ketika kamu kafirkan UMNO," katanya ketika tampil sebagai pencadang usul agama, pendidikan dan sosial.

Beliau turut mempersoalkan sekiranya ditanya oleh malaikat di alam barzakh nanti adakah pemimpin Pas sanggup menyatakan bahawa orang muslimin ialah saudara mereka.

"Ya Nik Aziz siapa saudara kamu, apa kamu berani menjawab muslimin dan muslimat? Apa kamu kata Lim Kit Siang, Karpal Singh dan Lim Guan Eng saudara kamu?" katanya.

Sementara itu, mutu pembahasan golongan muda juga agak baik dan perkembangan ini memperlihatkan UMNO tidak pernah ketandusan pembahas berbakat untuk diketengahkan sekiranya mereka ini terus mendapat bimbingan daripada orang lama.

Wakil Kelab UMNO Luar Negara, Wan Mohamad Azam Wan Rosdy umpamanya berjaya menarik perhatian ramai apabila mengemukakan pelbagai fakta bernas dan tepat dengan gaya penuh bersahaja.

Pelajar jurusan perniagaan, Universiti Sunderland, United Kingdom yang berusia 26 tahun memulakan ucapan dengan alunan lagu daripada Kumpulan Wow, berjudul 'Hanya Kau Yang Satu' bagi menggambarkan hanya UMNO di hatinya.

Bagaimanapun beliau yang membahaskan usul ucapan dasar Presiden dengan pantas selepas itu mengingatkan perwakilan serta pucuk pimpinan parti bahawa perhimpunan kali ini bukan Akademi Fantasia tetapi ia perhimpunan keramat.

Gaya perbahasan beliau yang seolah-olah seperti ahli politik cukup berpengalaman mendapat tepukan gemuruh terutama ketika beliau melontarkan sindiran pedas terhadap pembangkang yang disifatkan sebagai 'cakap tak serupa bikin'.

"Saya belajar tentang perniagaan tapi tak buat perniagaan pun. Macam orang sebelah sanalah, cakap pasal agama tapi tak adalah beragama sangat pun," katanya yang tidak menggunakan teks ketika berucap.

Turut menarik perhatian ialah kepetahan ulama muda, Fathul Bari Mat Jahaya yang berbahas mewakili UMNO Perlis dengan kandungan penuh fakta dan diselitkan dalil agama.

Anak bekas Mufti Perlis, Datuk Mat Jahaya Hussin dengan gaya penceramah hebat mendesak kepemimpinan parti mendekati golongan agama bagi menepis tohmahan pembangkang kononnya UMNO anti-Islam dan enggan melaksanakan hukum Allah.

"Dalam perlembagaan UMNO ada disebut perjuangan kita adalah untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara, tetapi bila bercakap mengenai agama, di mana orang agama?" katanya yang membahaskan usul agama, pendidikan dan sosial.

Sementara itu, wakil Puteri UMNO, Wan Salwati Abdullah yang membahaskan ucapan dasar Presiden juga menunjukkan mutu perbahasan yang baik.

Beliau secara terbuka menegur kepimpinan parti di semua peringkat agar menghentikan sikap suka mencantas mana-mana golongan muda yang dilihat menyerlah.

"Generasi muda pasti bersetuju bahawa mereka tidak diberi peluang dan kepercayaan. Laju sikit melangkah pancung awal-awal, apakah kepimpinan hanya untuk yang ada sekarang dan tidak perlu pelapis," katanya.

Tambah Wan Salwati yang juga Ketua Puteri UMNO Bahagian Seremban, zaman menghimpunkan puluhan ribu hadirin di padang untuk menyambut ketibaan pemimpin sudah berakhir.

"Sekarang adalah zaman kita menghargai pemimpin 'cool' yang boleh meluangkan masa bermain futsal dan menonton perlawanan bola sepak dengan generasi muda," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1205&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_06.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1205&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.htm)